



Anwar diiringi Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani bersalaman dengan jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Bukit Aman, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)



Anwar beramah mesra dengan orang ramai ketika menikmati makan tengah hari di Kedai Ikan Bakar Tanglin, Kuala Lumpur, semalam.

Politik Sabah tenang, tidak ada perubahan

BH- 7/11/2023 mlk: 2

PM hubungi pemimpin, nasihat bincang isu berbangkit

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Situasi politik di Sabah disifatkan berada dalam keadaan tenang dan tiada perubahan dalam kepimpinan negeri itu pada masa ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, beliau juga sudah menghubungi beberapa pemimpin politik Sabah dan menasihati mereka supaya

duduk berbincang dalam menguruskannya sesuatu isu yang berbangkit.

Susulan isu yang menyelubungi politik Sabah, Anwar sudah menghubungi Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor serta Presiden Parti Warisan (WARISAN), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan Pengerusi BN Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin.

Bincang dengan baik

Katanya, beliau juga sudah berbincang dengan Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Setiausaha Agung DAP, Anthony Look Siew Fook berhubung perkembangan di negeri itu.

“Mengenai Sabah, saya sudah hubungi semua. Hajiji, Shafie, Bung Moktar. Saya juga berbincang

dengan Zahid, Anthony Loke dan nampaknya, ia berada dalam keadaan tenang, sementara ini.

“Saya tidak fikir apa-apa perkembangan itu (perubahan kerajaan negeri),” katanya kepada selepas solat Jumaat di Masjid Bukit Aman, di sini semalam.

Anwar berkata, pemimpin politik wajar berbincang dengan baik sekiranya ada isu tertentu.

“Saya cuma dimaklumkan beberapa isu dan saya minta Ketua Menteri berbincang dengan rakan-rakan di Sabah,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan, cubaan menggulingkan Hajiji gagal dan ‘Langkah Kinabalu’ itu dikatakan ada kaitan dengan gerakan daripada WARISAN dan BN.



Anwar bersama Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution dan Acryl Sani menikmati makan tengah hari.